



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(13)

Tarikh : 22 Disember 2019

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA TERGENDALA DAN KEMBALI BEROPERASI SELEPAS PENYELENGGARAAN

Perkhidmatan funikular Bukit Bendera tergendala pada jam 7.42 petang (21 Disember 2019) dan kembali beroperasi semula pada jam 4.45 petang hari ini.

Kejadian berlaku pada jam 7.42 petang berpunca daripada kegagalan sistem brek menyebabkan koc (Mutiara) terkunci akibat kegagalan komponen *hydraulic fluid* menyebabkan funikular terkandas di Stesen Tengah Bukit Bendera. Ini merupakan satu mekanisma keselamatan yang akan diaktifkan apabila sistem gagal berfungsi.

Di atas faktor kesulitan sistem funikular, ruang funikular yang agak sempit dan alatan mekanikal yang berat, pihak PBBPP perlu mengambil masa bagi mengenalpasti punca kejadian.

Selepas mengenalpasti punca kegagalan, pihak PBBPP mengambil langkah menghubungi talian kecemasan (999) untuk mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa bagi menyelamatkan pengunjung yang terkandas di dalam funikular yang berada di Stesen Tengah Bukit Bendera.

Pasukan penyelamat tiba di Stesen Tengah pada jam 8.53 malam dan membawa 173 pengunjung yang terkandas dengan pacuan empat roda. Terdapat 793 pengunjung dan pekerja serta 52 kakitangan di Stesen Atas Bukit Bendera pada masa itu.

Perbadanan Bukit Bendera dengan kerjasama daripada Persatuan Penduduk dan komuniti Bukit Bendera membawa pengunjung melalui Laluan Jip ke Taman Botani Pulau Pinang dengan pancuan empat roda.

Kesemua pengunjung yang terkandas selamat dibawa turun dan dibawa ke Stesen Bawah Bukit Bendera menggunakan bas Rapid Penang, trak FRU serta trak APM dan trip yang terakhir tiba kira-kira jam 1 pagi (22 Disember 2019).



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan pengantian alatan yang rosak telah dijalankan. Perkhidmatan funikular kembali beroperasi semula pada jam 4.45 petang (22 Disember 2019) selepas pemeriksaan komprehensif dijalankan.

PBBPP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berkuasa termasuk PDRM, JBPM, APAM, Bomba Sukarela, Persatuan Penduduk Bukit Bendera, The Habitat, Bellevue Hotel dan St John Ambulance kerana membantu pihak PBBPP pada waktu kritikal.

PBBPP memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi oleh semua pengunjung yang terlibat dan mengucapkan terima kasih diatas sokongan dan kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh operasi funikular tergendala.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Unit Komunikasi Korporat :

Chris Koay
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

izatul@penanghill.gov.my